



**SOALAN LAZIM (FAQ'S)**  
**PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**  
**KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

1. **Adakah Perintah Kawalan Pergerakan ini menyekat sebarang perjalanan domestik?**

Pergerakan dari/ke semenanjung Malaysia ke/dari Sabah dan Sarawak adalah tidak dibenarkan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini dikuatkuasakan. Bagi sebarang pergerakan dalam semenanjung Malaysia adalah boleh dirujuk kepada dengan Polis Diraja Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri.

2. **Adakah Perintah Kawalan Pergerakan ini menyekat akses kepada Perwakilan asing yang terletak di bangunan komersial?**

Pertanyaan ini perlu dikemukakan kepada pihak pengurusan bangunan berkenaan. Setakat ini, Perintah Kawalan Pergerakan tidak menjejaskan akses kepada Perwakilan asing di Malaysia. Walau bagaimanapun, dinasihatkan agar menghadkan lawatan awam ke pejabat Perwakilan masing-masing semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dan hanya melibatkan pergerakan

3. **Adakah Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan terus memberikan jaminan keselamatan kepada Perwakilan Asing?**

PDRM akan beroperasi dan menjalankan fungsi seperti biasa termasuk kawalan keselamatan kepada Perwakilan Asing.

4. **Adakah syarikat keselamatan swasta yang mengawal premis Perwakilan Asing turut dikategorikan sebagai perkhidmatan penting?**

Perkhidmatan keselamatan swasta turut dikategorikan sebagai perkhidmatan penting.

5. **Adakah kakitangan Perwakilan Asing ke Malaysia yang memegang Pasport Rasmi (bukan Pasport Diplomatik) dibenarkan masuk ke Malaysia?**

Pihak Perwakilan Asing yang berkenaan perlu mengeluarkan dokumen berkaitan yang membuktikan bahawa kakitangan tersebut bekerja dengan Perwakilan Asing tersebut dan kakitangan tersebut perlu menjalani kuarantin sukarela selama 14 hari.

6. **Adakah warga asing (pemegang pasport biasa) yang berkhidmat dengan pertubuhan antarabangsa di Malaysia dibenarkan memasuki Malaysia?**

Warga asing yang menggunakan pasport biasa adalah dibenarkan untuk meninggalkan Malaysia semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini. Walau bagaimanapun, mereka tidak dibenarkan memasuki Malaysia sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini berkuatkuasa.

7. **Adakah diplomat mempunyai akses kepada *Diplomatic Pouch* dan Mel DPO?**

Ya, tertakluk kepada *standard protocol* bagi dokumen tersebut.

8. **Apakah tatacara bagi 'Pengasingan Diri' atau 'Kuarantin'?**

Tatacara ini boleh dirujuk kepada FAQ yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

**9. Adakah warga Malaysia yang memegang status Penduduk Tetap negara lain dibenarkan untuk meninggalkan Malaysia selepas 18 Mac 2020?**

Warga Malaysia dengan status Penduduk Tetap negara lain adalah dibenarkan untuk meninggalkan Malaysia dengan syarat mereka tidak pulang ke Malaysia sebelum 31 Mac 2020.

**10. Adakah Perintah Kawalan Pergerakan menguatkuasakan sekatan ke atas warganegara asing yang memegang pas residen atau pas jangka panjang di Malaysia untuk pulang atau memasuki Malaysia kali pertama? Adakah perlu untuk pemegang visa ini menjalani kuarantin sukarela / pengasingan diri?**

Warganegara asing (kecuali diplomat dan ahli keluarga) adalah dibenarkan memasuki Malaysia selepas 31 Mac 2020, dan arahan kuarantin sukarela/pengasingan diri adalah tertakluk kepada penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan dan arahan Kementerian Kesihatan Malaysia dari semasa ke semasa.

**11. Adakah transit penerbangan warganegara asing di Malaysia dibenarkan?**

Transit bagi warganegara asing untuk penerbangan bersambung (*connecting flights*) adalah dibenarkan dalam lapangan terbang yang sama dan transit yang tidak melalui 'Checkpoint' pemeriksaan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Walau bagaimanapun transit warganegara asing yang melibatkan lapangan terbang berbeza atau pergerakan keluar dari terminal lapangan terbang adalah tidak dibenarkan.

**12. Adakah krew penerbangan dikecualikan daripada sekatan kemasukan?**

Krew penerbangan adalah dikecualikan daripada sekatan kemasukan walau bagaimanapun ianya adalah tertakluk kepada keputusan saringan kesihatan sewaktu ketibaan.

**13. Sekiranya pemegang visa jangka pendek (warganegara asing) tidak dibenarkan meninggalkan Malaysia berikutan ketiadaan pesawat, dan visa tersebut tamat tempoh semasa tempoh tersebut (tempoh ketiadaan pesawat), adakah proses pengeluaran visa baru warga asing tersebut akan dipercepatkan?**

Warganegara asing adalah dikehendaki untuk memohon pelanjutan tempoh visa di Jabatan Imigresen Malaysia dalam tempoh yang lebih awal sebelum tamat tempoh visa tersebut.

**14. Adakah hotel dibenarkan untuk kekal beroperasi dan menawarkan perkhidmatan asas (termasuk makanan dan minuman) kepada warga asing yang masih lagi di Malaysia.**

Pengoperasian perkhidmatan hotel kepada warganegara asing dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini adalah dibenarkan. Walau bagaimanapun, hanya perkhidmatan yang disenaraikan sebagai perkhidmatan penting (*essential services*) sahaja dibenarkan beroperasi dalam premis hotel.

**15. Adakah Perintah Kawalan Keselamatan ini memberi kesan ke atas perkhidmatan pengangkutan awam termasuk perkhidmatan teksi, *e-hailing* dan lain-lain pengangkutan terutamanya dalam memastikan warganegara asing boleh sampai ke lapangan terbang?**

Pengangkutan awam termasuk perkhidmatan *e-hailing* adalah dibenarkan untuk beroperasi seperti biasa sepanjang tempoh Perintah Kawalan Keselamatan dikuatkuasakan.

**16. Adakah Perintah Kawalan Pergerakan ini mengenakan sekatan terhadap penerbangan dari semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak?**

Penerbangan dari/ke semenanjung Malaysia ke/dari Sabah dan Sarawak adalah tidak dibenarkan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini dikuatkuasakan.

**17. Apakah sektor perniagaan yang disenaraikan untuk ditutup sementara sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan ini? Adakah ini termasuk, kemudahan perkilangan, gudang dan pembinaan? Dan apakah definisi *essential services* berkenaan?**

Sila rujuk Kenyataan Akhbar oleh Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri di Lampiran A untuk Senarai Perkhidmatan Penting dan Lampiran B untuk Senarai Perkhidmatan Tidak Perlu bertarikh 18 Mac 2020. Dokumen lain yang boleh dirujuk adalah Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 yang disiarkan oleh Jabatan Peguam Negara.

**18. Adakah kerajaan Malaysia merancang untuk memendekkan/melanjutkan tempoh Kawalan Pergerakan ini sepanjang Tarikh 18 hingga 31 Mac 2020 ini?**

Sebarang perubahan atau keputusan oleh Kerajaan Malaysia berkenaan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan ini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

**19. Adakah pemegang warganegara asing pemegang visa dari pelbagai kategori (PR, pas tanggungan, pas pelajar, *Malaysia My Second Home Visa*) dibenarkan untuk memasuki Malaysia dalam tempoh kawalan pergerakan ini?**

Tiada warganegara asing yang dibenarkan memasuki Malaysia dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini, kecuali bagi warganegara asing berstatus diplomat yang berkhidmat di Malaysia berserta dan tanggungan.

**20. Bilakah tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini dikuatkuasakan?**

18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020.

**21. Adakah warganegara asing dibenarkan untuk meninggalkan Malaysia sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini dikuatkuasakan? Adakah terdapat sebarang syarat atau prosedur yang dikenakan untuk warganegara asing meninggalkan Malaysia?**

Warganegara asing adalah dibenarkan untuk meninggalkan Malaysia semasa perintah ini berkuatkuasa. Tiada prosedur tambahan yang dikenakan kepada warganegara asing untuk meninggalkan Malaysia. Walau bagaimanapun segala undang-undang domestik/antarabangsa yang terlibat perlu dipatuhi sentiasa.

**22. Adakah diplomat asing dibenarkan untuk memasuki dan meninggalkan Malaysia semasa perintah ini dikuatkuasakan? Sekiranya dibenarkan, adakah diplomat asing juga dikenakan syarat untuk kuarantin secara sukarela selama 14 hari? Adakah syarat-syarat ini juga dikenakan ke atas lain-lain pegawai kerajaan asing yang memegang visa jangka panjang (diplomantik dan bukan diplomantik) serta tanggungan-tanggungan mereka?**

Diplomat asing dan tanggungan-tanggungan mereka adalah dibenarkan untuk memasuki dan meninggalkan Malaysia semasa perintah ini berkuatkuasa dan disyaratkan untuk membuat kuarantin secara sukarela selama 14 hari. Bagi pegawai-pegawai kerajaan asing yang bukan berstatus diplomat (yang menetap di Malaysia) juga adalah dibenarkan memasuki atau meninggalkan Malaysia dengan syarat dokumen-dokumen penggajian dapat dibuktikan semasa kemasukan ke Malaysia.

**23. Adakah sekatan perjalanan dikenakan ke atas warganegara asing yang memegang permit pekerjaan, diplomat, dan pas jangka masa panjang?**

Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan berkuatkuasa, hanya diplomat, pegawai-pegawai kerajaan warganegara asing yang menetap di Malaysia (dengan syarat dokumen penggajian) dan penduduk tetap sahaja yang dibenarkan masuk ke Malaysia dengan syarat kuarantin secara sukarela selama 14 hari.

**24. Bagi diplomat asing, pemegang permit pekerjaan dan pemegang pas jangka masa panjang yang pulang ke Malaysia semasa Perintah Kawalan Pergerakan, adakah mereka dikenakan saringan kesihatan dan kuarantin? Sekiranya ya, dimanakah ianya dapat dilakukan?**

Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan berkuatkuasa, hanya diplomat asing, pegawai-pegawai kerajaan asing yang menetap di Malaysia (dengan syarat dokumen penggajian) dan penduduk tetap sahaja yang dibenarkan masuk ke Malaysia. Mereka hendaklah membuat kuarantin secara sukarela selama 14 hari di rumah atau tempat penginapan masing-masing.

**25. Sekiranya warganegara asing telah tinggal lebih dari tempoh masa visa/permit dan ingin meninggalkan Malaysia semasa Perintah Kawalan Pergerakan berkuatkuasa, adakah sebarang syarat dikenakan ke atas mereka?**

Warganegara asing yang telah tinggal melebihi dari tempoh masa visa/permit adalah dibenarkan keluar dari Malaysia dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Walau bagaimanapun, mereka tidak dibenarkan kembali semula sepanjang tempoh Perintah Kawalan berkuat kuasa.

**26. Kami menghadapi masalah untuk berhubung dengan talian *hotline*. Kami juga ingin memohon talian *hotline* khas bagi kor diplomatik diadakan terutamanya bagi bantuan konsular rakyat asing yang terjejas. Sebagai contoh, berkemungkinan terdapat warga asing di luar negara yang ingin mengetahui status ahli keluarga mereka yang dijangkiti COVID-19 di Malaysia.**

Bagi soalan-soalan berhubung pandemik COVID-19 termasuk yang melibatkan perwakilan asing di Malaysia, ianya dapat diajukan kepada CPRC Kementerian



Kesihatan melalui e-mel di [cprc@moh.gov.my](mailto:cprc@moh.gov.my) atau di talian 03-8881 0200 / 0600 / 0700 / 010-9699435.

Bagi bantuan Konsular Rakyat Malaysia di Luar Negara, sila hubungi +603-8887 8770/+603-8887 4570 dan +603-8889 2746 atau emel ke [covid19taskforce@kln.gov.my](mailto:covid19taskforce@kln.gov.my)

**27. Adakah rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura dibenarkan untuk berulang alik seperti biasa? Adakah rakyat Malaysia dibenarkan untuk merentasi sempadan Singapura melalui jalan darat dan air?**

Rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura tidak dibenarkan berulang alik. Warganegara dan penduduk tetap Malaysia yang mempunyai permit kerja sah di Singapura, dibenarkan keluar ke Singapura untuk bekerja dengan syarat mempunyai surat panggilan kerja daripada majikan di Singapura dan persetujuan bertulis bahawa kemudahan penginapan disediakan oleh majikan sehingga 31 Mac 2020.

**KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

**22 MAC 2020**